

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : **1 JULAI 2019 [ISNIN]**

SOALAN NO. 44

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan berapa jumlah bantuan yang diberikan kepada peneroka FELDA bagi proses tanam semula ketika ini, dan adakah terdapat sebarang kemungkinan jumlah bantuan tersebut akan ditingkatkan pada masa akan datang.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembangunan tanam semula adalah untuk meningkatkan daya pengeluaran agar warga peneroka mendapat hasil optimum daripada program tanam semula. Inisiatif ini melibatkan penanaman semula tanaman sawit atau getah bagi menggantikan tanaman asal yang tidak lagi produktif.
2. Pada masa ini, FELDA mendahulukan kos pembangunan tanam semula dalam bentuk pinjaman kepada peneroka mengikut dasar dan mekanisma yang telah ditetapkan. Kos pembangunan ini merangkumi kos pembangunan tanam semula sehingga pokok mula mengeluarkan hasil. Purata kos semasa bagi pembangunan tanam semula sawit adalah RM14,000 sehektar dengan jumlah keseluruhan RM56,000 (4 hektar) bagi setiap peneroka.
3. Selain itu, FELDA juga memberi bantuan pinjaman Sara Hidup (SH) kepada peneroka yang membuat tanam semula bersama FELDA. Pinjaman ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan peneroka semasa tempoh tanaman semula belum berhasil. Pinjaman ini diberikan kepada peneroka atas pilihan mereka sendiri (*optional*).
4. Pinjaman Sara Hidup bagi pembangunan tanam semula sawit adalah berjumlah RM42,000 untuk tempoh 36 bulan. Manakala bagi

SOALAN 44

pembangunan tanam semula getah adalah berjumlah RM88,800 untuk tempoh 72 bulan.

5. Jumlah keseluruhan pinjaman maksimum yang didahulukan oleh FELDA kepada peneroka bagi tanam semula ialah RM98,000 per peneroka bagi tanaman sawit dan RM144,800 bagi tanaman getah. FELDA akan terus menggunakan kadar baharu ini dan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan. Buat masa ini FELDA menggunakan kadar ini yang akan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan baru atau peningkatan kepada kos tanam semula di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

1 Julai 2019